

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 [RABU]

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan bila undang-undang wakaf akan dibentangkan seperti yang dijanjikan memandangkan jawapan sebelum ini disebut akan dibentangkan pada tahun 2020.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Rang Undang-Undang Wakaf (Wilayah-Wilayah Persekutuan) ("RUU Wakaf") masih dalam tindakan aktif JAKIM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sebelum ini telah menggubal RUU Wakaf. Dalam hal ini, cadangan penggubalan RUU tersebut telah diedarkan kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan ulasan.

2. Walau bagaimanapun, penggubalan RUU Wakaf ini tidak dapat dimuktamadkan pada masa ini memandangkan terdapat beberapa isu dasar yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan yang perlu diselesaikan dengan agensi yang terlibat.

3. Antara perkara dasar yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan ialah, antara lain, pertama, struktur organisasi semasa Majlis Agama Islam Persekutuan (MAIWP) dan Kumpulan (subsidiari dan yayasan) berserta peranan yang dijalankan dalam melaksanakan pengurusan wakaf serta implikasi/perubahan kepada struktur dan peranan MAIWP dan Kumpulan selepas penubuhan Perbadanan Wakaf Majlis Agama Islam Persekutuan (Perbadanan Wakaf MAIWP) dan Rang Undang-Undang Wakaf (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2020 (RUU Wakaf 2020) ; kedua, cadangan model perniagaan (business plan) dan unjuran kewangan untuk tempoh 10 tahun berserta asas yang digunakan (assumption); dan ketiga, kelangsungan Perbadanan Wakaf MAIWP khususnya dari segi kemampuan kewangan di masa hadapan (self-financing).

4. Tindakan selanjutnya berhubung dengan RUU Wakaf tersebut akan diambil oleh Kerajaan setelah isu dasar tersebut diselesaikan. Sekian, terima kasih.